

WAR 21 INSTRUMENTALISM: BARAH DALAM INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM

**Intan Fadzliana Ahmad, Ahmad Yani Ismail, Dr. Nor 'Adha Abdul Hamid,
Khairunnisa' Ismail, Siti Noor Binti Ahmad**

International Islamic University College Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000, Kajang, Selangor, Malaysia.

intanfadzliana@kuis.edu.my, ahmadyani@kuis.edu.my,
noradha@kuis.edu.my, khairunisa@kuis.edu.my, sitinoor@kuis.edu.my,

ABSTRAK

Instrumentalisme menolak sebarang pertembungan dan perdebatan yang melibatkan sesuatu yang bersifat *non-real* (falsafah dan *scientific realism*) dan lazimnya hanya menjawab persoalan 'how' dan bukan 'why'. Kertas ini bertujuan membincangkan tentang pandangan alam barat dan Islam serta implikasi terhadap penerimaan dan amalan instrumentalism dalam pendidikan terhadap aqidah umat Islam. Perbincangan dalam kertas ini adalah bersifat konseptual dari perspektif penulis sebagai pendidik, penyelidik dan pelajar. Penerimaan terhadap pandangan instrumentalism, akhirnya akan menjerumuskan umat Islam kepada penolakan perkara-perkara ghaib seperti syurga, neraka, akhirat, wahyu, qada' dan qadar, rezeki, nikmat serta siksa kubur sehingga akhirnya kepada penolakan terhadap kewujudan Allah SWT, yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar serta dibuktikan secara 'saintifik' mengikut Barat. Dengan keterbatasan keupayaan insan dalam memahami, mengenali, mentafsir, menaakul menggunakan akal yang dikurniakan Allah, faham instrumentalism ini, khususnya dalam institusi pendidikan tinggi dilihat sebagai wabak yang merebak umpama anai-anai yang mampu meruntuhkan benteng aqidah umat Islam sekiranya terus dibiarkan hingga mengakibatkan penolakan terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah SWT.

Kata kunci: Instrumentalism; IPT; falsafah; aqidah; pendidikan tinggi

PENGENALAN

Kelemahan dan kemunduran umat Islam dalam pelbagai bidang khususnya sewaktu berada di bawah penjajahan Barat pada abad ke 18 telah mendesak para elit politik Islam untuk mencetuskan pandangan tentang pentingnya perubahan-perubahan dalaman sebagai usaha merapatkan jurang pemisah antara umat Islam dan Barat. Pandangan ini kemudiannya telah mendorong berlakunya pelbagai perubahan besar dalam pandangan alam dan pemahaman agama umat yang semakin lama semakin terpesong dan lemah.

Pembentukan peribadi manusia merupakan bahagian asas daripada pendidikan tinggi, falsafah pendidikan tinggi Islam yang berbeza dengan falsafah pendidikan tinggi sekular, bahkan falsafah pendidikan Kristian. Pendidikan tinggi Islam yang merupakan asas utama pembentukan pandangan alam umat kemudiannya mula dipengaruhi oleh aliran falsafah pragmatism yang memberi kesan besar terhadap cara hidup umat Islam. Antara tokoh utama yang mempelopori aliran falsafah ini adalah Charles Sander Peirce, William James dan John Dewey. Pragmatisme merupakan aliran yang mengajarkan bahawa 'perkara yang benar, adalah perkara yang dapat dibuktikan' dengan segala akibat dan kesudahan yang bermanfaat secara praktis.

Kekeliruan tentang hala tuju dan peranan pendidikan serta institusi pengajian tinggi semakin dapat dilihat di hampir kesemua universiti, termasuk universiti-universiti terkemuka dunia. Ini diakui oleh tokoh-tokoh pendidikan Barat sendiri seperti Christensen, (2012); Lagemenn & Lewis, (2012); Lewis, (2006); Palmer, Zajonc, & Scribner, (2010) yang sependapat menyatakan, pendidikan tinggi kini sekadar menumpukan kepada pendidikan bersifat kebendaan, individu, cetek dan tidak bersemangat (*soulless*), sedangkan peranannya cukup penting sebagai agen perubahan masyarakat.

Pendidikan tinggi mula beralih dari makna dan tujuan asal pendidikan apabila universiti berorientasikan keuntungan (William, 2013), bersifat instrumentalism (Giroux, 2006), menjadi ‘kilang pengeluaran sumber manusia’ secara besar-besaran (*mass production*) bagi memenuhi keperluan tenaga kerja untuk pembangunan fizikal semata-mata (Brown, 2013; Campbell, 2012; Noor et al., 2014; Paton, 2012). ‘Universiti enterprise’ menjadikan pendidikan sebagai komoditi utama yang diniagakan (Primarni & Khairunnas, 2013; Razak, 2012; Washburn, 2006); kuantiti pelajar yang ramai sebagai sasaran ‘perniagaan’ (Bragg, 2012; Molesworth, Nixon, & Scullion, 2009) pemerdagangan perkhidmatan pendidikan dengan ‘pelajar sebagai pengguna perkhidmatan’ melalui kenaikan yuran pelajar dianggap tidak seiring dengan peningkatan kualiti pengajaran universiti yang semakin merosot (Barret, 2011; Cambell et al., 1982; Washburn, 2006). Kesemua fokus ini telah menjauhkan universiti, khususnya Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI) dari tujuan dan matlamat asal pendidikan menurut pandangan Islam. Kertas ini membincangkan tentang pandangan alam barat dan Islam serta implikasi terhadap penerimaan dan amalan instrumentalism dalam pendidikan terhadap aqidah umat Islam.

Instrumentalisme yang di pelopori oleh Dewey yang merupakan ahli falsafah Barat dalam bidang pendidikan. Untuk memahami instrumentalisme dalam erti kata yang sebenar, kita perlu memahami makna pandangan alam kerana instrumentalisme ini merupakan hasil buah fikiran. Memandangkan instrumentalisme ini hasil dari pemikiran ahli falsafah Barat, maka adalah perlu untuk memahami pandangan alam menurut perspektif Barat.

Dalam usaha untuk memahami instrumentalisme, penulis membandingkan pandangan alam menurut perspektif Barat dan Islam. Tanpa memahami perbezaan pandangan alam Barat dan Islam, perbincangan mengenai instrumentalisme ini tidak akan mencapai tujuan yang di harapkan oleh penulis.

PANDANGAN ALAM (WORLDVIEW) MENURUT PERSPEKTIF BARAT

Pandangan alam menurut kaca mata Barat bermaksud satu kerangka yang komprehensif mengenai kepercayaan seseorang terhadap sesuatu dan juga hubungannya. Ia merupakan perspektif asas yang di gunakan untuk memahami dunia dan juga pengalaman seseorang terhadapnya. Pandangan alam membentuk dan menetapkan arah kehidupan seseorang, membantu memahami, menerangkan dan meneroka dunia sekitar dan semua aktiviti dalam kehidupan dan bagaimana semua ini berkait antara satu sama lain, dengan memberi manusia perspektif terhadapnya. Dalam ertikata yang lain, pandangan alam merupakan “*satu kerangka yang komprehensif mengenai kepercayaan asas seseorang terhadap sesuatu dan hubungan antaranya.*” (Gousmett, 2015)

Pandangan alam juga merujuk kepada sistem bagi seseorang melihat aktiviti dan rangkaian peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Ia di bentuk melalui pengalaman di mana seseorang individu akan membentuk dan memahami kehidupan. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka atas talian (2015) menterjemahkan *worldview* sebagai pandangan hidup. Kamus Inggeris

Oxford (1989) mendefinisikannya sebagai “falsafah atau pandangan hidup; konsep dunia dan kehidupan yang menjadi pegangan seseorang atau sekumpulan manusia.

Pandangan alam Barat yang berakar umbi dari era Kebangkitan (*Renaissance*) memberi penekanan terhadap kehidupan manusia di atas muka bumi ini sahaja dan telah membuang tumpuan terhadap dunia spiritual (roh) selepas mati (Tarnas, 1991). Tempoh ini juga menyaksikan pemikiran saintifik dimana prinsip-prinsip dasarnya adalah *empiricism*, matematik dan mekanik (Tarnas, 1991). Perkembangan ilmu sains pada zaman itu telah menjadikan ilmu sains adalah satu-satunya cabang ilmu pengetahuan. Mereka telah mengenakan *nationalism* dan *empiricism* pada acara berfikir dan menyelidik kepada bidang-bidang ilmu lain (Al-Attas, 2007).

Pandangan alam Barat diasaskan kepada tiga bentuk yang berbeza dan dialektik yang berkaitan dengan *Renaissance*, Reformasi dan Revolusi Saintifik. Pandangan alam ini telah menamatkan hegemoni budaya / dominan Gereja Katolik di Eropah dan telah mewujudkan semangat yang lebih individualistik, ragu-ragu dan sekular zaman moden dan sains muncul sebagai agama baru bagi Barat. Sains menyumbang kepada pembebasan manusia dan disebabkan oleh:

- empirikal, rasional, logic, sesuai dengan akal dan kepada realiti nyata yang boleh disentuh dan dinilai oleh setiap orang.
- Fakta dan teori disahkan melalui pembuktian ujikaji dan dibincangkan pakar yang setara bagi menggantikan wahyu dogmatik hierarki yang dikenakan oleh institusi Gereja.

Menurut Tarnas, (1991), Barat telah mengeluarkan ketuhanan dari kehidupan mereka dan memberi perhatian yang keterlaluan kepada kehidupan dunia dan dunia ini semata-mata (Salleh & Ahmad, 2008).

PANDANGAN ALAM (WORLDVIEW) MENURUT ISLAM

Dalam bukunya yang bertajuk “Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam”, Profesor S.M.N Al-Attas (2007) menerangkan:

“Dari segi tinjauan Islam yang disebut pandangan alam itu bukanlah hanya pandangan akal nazari terhadap alam jasmani belaka, termasuk pandangan terhadap penglibatan insan dalam sejarah, masyarakat, politik dan kebudayaannya. Pandangan yang kita maksudkan bukan hanya pandangan nazari – ya’ni apa yang dipandang oleh mata kepala dan direncanabentukkan dalam fahaman akal nazari berdasarkan penglihatan zahir. Begitu juga alam yang kita maksudkan bukan hanya merujuk kepada alam jasmani melulu, atau tinjauan dan fikiran mengenainya yang dirumuskan dari pemerhatian ma’lumat-ma’lumat zahiri, kerana tinjauan demikina itu akhirnya berpunca pada pengalaman indera jasmani sebagaimana terlihat oleh penglihatan zahir, ya’ni alam yang kita maksudkan bukan terhadap ma’nanya pada alam shahadah yang merupakan kejadian semesta yang zahir yang direnungkan oleh akan nazari. Secara ringkasnya, pandangan alam bererti pandangan zahir dan batin terhadap hakikat kewujudan dan kebenaran yang diperlihatkan pada nazar serta renungan akali peri kewujudan semesta dunia-akhirat.”

Ringkasnya, pandangan alam menurut Islam bererti “pandangan zahir dan batin terhadap hakikat kewujudan dan kebenaran yang diperlihatkan pada nazar serta renungan akali peri kewujudan semesta dunia-akhirat yang berbeza dari pandangan alam Barat. Justeru kerana kewujudan semesta menurut Islam adalah seperti yang di dasarkan oleh Wahyu. Penta’rifan

oleh Al-Attas (2007) jelas menekankan bahawa pandangan alam menurut Islam berdasarkan Wahyu yang dibawa oleh junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan merujuk bukan sahaja kepada “pandangan” mata kasar manusia, tetapi juga kepada mata-hati sekaligus memerlukan hati yang suci supaya dapat diperlihatkan oleh Allah s.w.t. tentang hakikat kewujudan sebenar. Jelas, Tasawwur Islam adalah suatu pandangan (ru’yah) yang sungguh menyeluruh dan meluas, mencakupi kewujudan bukan sahaja ditahap kemasyarakatan atau ehwal keduniaan kebendaan sahaja.

Choudhury (2000) mengertikan pandangan alam sebagai satu rekabentuk Islam terhadap realiti yang berkaitan dengan epistemologi *Devine Unity* dan dunia realiti dan sistemnya. Perbezaan yang ketara antara makna pandangan alam menurut perspektif Barat dan Islam iaitu, secara ringkasnya, Barat hanya merujuk kepada pandangan mata kasar (apa yang nampak oleh kelima pancaindera) dan dunia realiti, material atau fizikal. Pandangan alam menurut Islam, menjangkau elemen jasmani, roh dan alam yang tidak boleh di capai oleh kelima pancaindera.

Pandangan alam Islam, yang juga dikenali sebagai pandangan alam kekhalfahan (*vicegerental worldview*) (Eaton, 2012), adalah pandangan alam yang berkisar sekitar isu-isu kekhalfahan yang komprehensif yang memerlukan sistem kepercayaan, sistem Syariah, sistem etika dan visi tamadun realiti dan kemajuan. Ia adalah pandangan alam yang dibina berdasarkan teks al-Qur'an yang diturunkan. Ia menawarkan wawasan kehidupan yang lebih menyeluruh dan rasional. Ia merangkumi visi kemasyarakatan yang kolektif yang wujud dimana umat Islam menawarkan jawapan kepada soalan-soalan utama yang berkaitan dengan Pencipta, kewujudan, alam semesta, kehidupan, manusia, kenabian, kekhalfahan, masyarakat zahir dan yang batin dan juga diakhirat (Berghout, 2009).

Pandangan alam Islam terdiri daripada wawasan yang menawarkan penjelasan yang konsisten dan menyeluruh terhadap penciptaan, realiti, alam semesta, kehidupan dan pengalaman manusia. Ia mentakrifkan tanggungjawab manusia di dunia dan ilmu dan bimbingan yang diperlukan boleh didapati. Ia menerangkan hubungan antara manusia dan dunia lain yang dilihat dan yang ghaib. Tumpuan diberikan kepada umat secara kolektif. Dalam ertikata yang lain, ia bukan pandangan alam yang berorientasikan satu-satu individu iaitu setiap orang Islam tidak mempunyai pandangan alam sendiri yang berbeza dari orang Islam yang lain serta tidak mempunyai hak mutlak untuk mengubah pandangan alamnya atau meninggalkannya seperti dalam kes harta peribadi. Ia adalah berdasarkan kepada perjanjian, sepanjang perjalanan sejarah, menepati al-Quran, Sunnah dan ijmak para ulama untuk menegakkan wawasan hidup ini dan menyebarkannya kepada semua generasi dan masyarakat. Ia dikongsi oleh semua umat Islam tanpa mengira bangsa, budaya, bahasa dan doktrin-doktrin lain selama mereka berada dalam parameter yang diterima Islam.

Pandangan alam Islam memberi pemahaman dan menangani perihal kewujudan secara keseluruhan yang meliputi dunia yang nyata dan alam ghaib. Ia meneliti isu-isu yang berkaitan dengan dunia dan akhirat, masa lalu, masa kini dan masa depan, intelek, rohani, moral, etika, sosial, politik, ekonomi, kebudayaan dan bidang ketamadunan. Pandangan ini hasil daripada interaksi umat Islam dengan kehidupan dan realiti berdasarkan dan mengikut ajaran Islam. Ia memberi panduan yang perlu bagi Muslim untuk cemerlang dalam usaha beliau sebagai seorang khalifah Allah dan mencapai matlamat di dunia dan di akhirat.

PANDANGAN ALAM BARAT, SAINS DAN SAINTISME

Kami telah mengemukakan asas utama pandangan alam Barat ialah penolakan konsep ketuhanan dalam kehidupan masyarakat Barat dan digantikan oleh sains sebagai agama maka lahirlah istilah saintisme. Oleh itu, isu sains dan saintisme yang menjadi dasar pandangan alam Barat memerlukan perbincangan lanjut dan mempunyai signifikan yang mengandungi perbincangan kami.

Salleh & Ahmad, (2008) mempersoalkan kewajaran sains yang bercorak klasik mekanistik yang dipelopori oleh Newtonian-Cartesian. Mereka menjelaskan bahawa undang-undang fizikal sains Newtonian-Cartesian yang berpangkalan di Barat menganggap alam semesta sebagai yang berpecah-pecah dan berasingan. Mereka mengakui bahawa sejak zaman Descartes, Galileo dan Newton, pandangan alam Sains Barat yang dominan bahawa alam semesta adalah seperti fizikal (material) mesin besar bekerja pada mekanisme lancar dengan manusia di dalamnya juga dilihat sebagai mesin. Di bawah rejim sains klasik Newtonian-Cartesian, martabat manusia telah direndahkan kepada mesin. Model mekanistik ini menolak mana-mana aspek bukan material manusia. Kesedaran juga telah dikeluarkan daripada sains ini. Asas falsafah ini adalah sains klasik yang tidak mempunyai sifat-sifat manusia dan kemanusiaan.

Asas-asas sains klasik yang di terima umum yang mendasari pandangan alam Barat tersebut di atas bercanggah dengan pandangan alam Islam. Tidak seperti hukum fizik sains Newtonian-Cartesian yang berasaskan Barat yang menganggap alam semesta sebagai berpecah-pecah yang berasingan, pandangan Islam iaitu menurut pandangan alam Islam, semesta yang sama adalah bersifat integral (tidak terbahagi kepada pecahan-pecahan). Ini jelas sebagaimana ayat berikut:

“Wahai Manusia! Kami menciptakan kamu dari satu roh, lelaki dan perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu boleh mengenali antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah adalah yang paling bertakwa. Allah Maha mengetahui” (Al-Quran, 49:13)

Ayat di atas menunjukkan bahawa seluruh umat manusia diciptakan dari diri yang satu. Setiap jiwa menjadi "keseluruhan dalam keseluruhannya" dan setiap jiwa bersambung kepada jiwa yang lain yang pernah wujud atau wujud (Eaton, 1994). Secara ringkas, alam semesta ini semuanya saling berkaitan.

Islam juga secara mutlak menolak pandangan alam dominan sains Barat yang mengatakan alam semesta ini tidak mempunyai roh dan ianya mekanistik dan bekerja pada mekanisme lancar. Ayat tersebut menjadi bukti seluruh alam semesta adalah roh yang saling berkaitan. Pandangan tentang manusia oleh rejim sains klasik yang di pelopori oleh Newtonian-Cartesian sebagai manusia mekanistik merupakan pelanggaran yang paling asas dengan pandangan alam Islam terhadap manusia. Menurut pandangan alam kekhalfahan Islam, badan manusia dicipta daripada tanah liat. Dalam satu ayat al-Quran Allah S.W.T. berfirman:

- *"Allah menciptakan manusia dari tanah liat kering seperti tembikar" (55:14)*
- *Kemudian Allah memberikan kehidupan kepada tanah liat itu dengan meniup RohNya ke dalamnya: "Dia (Allah) memulakan penciptaan manusia daripada tanah liat... kemudian Dia meniupkan RohNya ke dalam tanah itu" (32: 7-9).*

Badan manusia hidup kerana RohNya yang menghidupkan mereka. Tanpa roh, mereka akan menjadi air dan bumi (Murata & Chittic, 1994). Jurang di atas antara asas-asas pandangan alam Barat yang mendominasi pandangan alam Islam serta mempunyai kesan yang besar kepada pelbagai cabang ilmu khususnya bidang pendidikan.

EPISTEMOLOGI MENURUT PANDANGAN ALAM BARAT DAN PANDANGAN ALAM ISLAM

Berdasarkan kepada hujah-hujah di atas, epistemologi pandangan alam Barat hanya mengiktiraf satu sumber ilmu pengetahuan iaitu ilmu yang boleh diperhatikan (*observable knowledge*) dan dianalisis secara fizikal dengan lima deria seperti penglihatan, rasa, sentuhan bau dan pendengaran. Apa-apa sahaja ilmu dari sumber di luar domain fizikal adalah ditolak (Salleh & Ahmad, 2008). Memandangkan epistemologi Barat terhadap kepada pengetahuan yang boleh diperhatikan (dicerap oleh pancaindera fizikal) sahaja dan menolak ilmu wahyu, kaedah untuk mengetahui dan memahami sesuatu terhadap kepada peranti persepsi akal manakala renungan hati tidak di iktiraf. Pengetahuan diperhatikan juga diterjemahkan kepada empirisme, objektif, positif, yang boleh diukur dan mempunyai kesahihan.

Epistemologi Islam mengiktiraf dua sumber pengetahuan, pengetahuan yang diperhatikan (*observable knowledge*) dan pengetahuan yang diturunkan (*revealed knowledge*). Al Zeera, (2001) menerangkan teori Al-Ghazali mengenai ilmu menurut epistemologi Islam adalah merangkumi kedua-dua aspek, agama dan lain-duniawi. Ia dibahagikan kepada pengetahuan teori dan praktikal, termasuk isu-isu keagamaan dan kerohanian yang berkaitan dengan Allah, jiwa, dunia ghaib, malaikat-malaikat, *Ilm al-mukashafah*, dan subjek metafizik lain, serta isu-isu bahan atau duniawi (*Ilm al-mu'amalah*). Epistemologi Islam adalah menyeluruh dan berlandaskan kesucian.

INSTRUMENTALISME DAN PENDIDIKAN

Perkataan instrumentalisme yang di perkenalkan oleh John Dewey dalam tahun 1938 menegaskan bahawa teori-teori sains hanyalah alat-alat atau instrumen-instrumen yang di gunakan untuk membuat ramalan bersifat empirikal berdasarkan kepada pemerhatian dan pengalaman untuk mencapai matlamat yang praktikal (Anderson, 2014). Menurut Kornhauser, (2011), instrumentalisme menolak perkara yang tidak mampu dicerap oleh pancaindera fizikal dan hanya menerima inkuiri bersifat saintifik. Instrumentalisme adalah pandangan bahawa teori saintifik merupakan satu satunya alat yang penting dan berguna dalam memahami dunia.

Konsep atau teori yang dikemukakan perlu dinilai melalui keberkesannya dalam menjelaskan dan meramal sesuatu fenomena, berbanding ketepatan ia menggambarkan objektif realiti. Sesuatu itu perlulah boleh diukur, dibuktikan, mampu dilihat hasilnya, bersifat objektif serta boleh dicerna melalui deria yang lima (hidung, lidah, telinga, mata dan kulit) menggunakan akal semata-mata. Instrumentalisme adalah bertepatan dengan pandangan alam Barat yang bersifat empirikal. Begitu juga dengan epistemologi Barat yang menolak ilmu wahyu yang bersifat ghaib. Kepercayaan ini membawa kepada penolakan terhadap aspek metafizik, spiritual dan ghaib termasuklah konsep ketuhanan, dosa, pahala, syurga, neraka, roh, alam barzakh, alam akhirat dan lain-lain serta bertentangan dengan aqidah Islam. Berbeza dengan Islam yang menitikberatkan penggunaan qalbu sebagai 'fakulti' tertinggi dalam pena'akulan, inkuiri dan membuat keputusan. Ia bersifat intuitif serta subjektif bergantung kepada 'kejernihan' qalbu insan untuk menerima anugerah Allah berupa ilmu, taufiq dan hidayah, ilham dan gerak hati.

Seperti *Iceberg theory*, kebanyakan perkara bersifat *explicit* (tersurat/ dapat dilihat) hanya sebahagian kecil sahaja yang dapat dijelaskan melalui pancaindera/deria yang 5. Tetapi ilmu dan perkara yang *tacit* (tersirat/ tidak dapat dilihat) dalam alam ini adalah jauh lebih banyak,

besar serta tidak dapat dijelaskan secara saintifik semata-mata melalui akal yang terbatas. Hanya melalui ‘fakulti aras tinggi’ (*higher level faculty*) atas anugerah Allah sahaja insan mampu memahami dan menguasai ilmu (Salleh, 2013). Kebijaksanaan seperti ini hanya mampu diperoleh dengan anugerah Allah melalui ‘Bahasa qalbu’ yang terangkum didalamnya pegangan dan penggantungan kepada keyakinan yang benar-benar mantap (*haqqul yaqin*) pada Allah SWT, mampu memimpin dan menunjuk jalan, membimbing insan kepada kebenaran. Melalui fakulti qalbu, inspirasi (*inspiration*), intuisi (*intuition*), wawasan (*insight*), pencerahan (*illumination*), naluri atau gerak hati (*instinct*) yang terbit dari qalbu yang bersih, mampu mengembalikan insan kepada fitrahnya (Ahmad, Hamzah, & Ismail, 2014). Namun ilmu sains tajaan barat masa kini telah menolak segala aspek yang tidak tercapai oleh ‘panca indera’ atau ‘*non-sense*’ bagi mereka sebagai sandaran atau hujah untuk diyakini. Tanpa disedari, fakulti insan dengan bahasa insan yang tepat anugerah Allah SWT kepada insan sebagai khalifah ini, tidak lagi diiktiraf kemampuannya untuk mengendalikan jasad, apatah lagi untuk menerajui pentadbiran.

Firman Allah SWT:

"...yang telah menciptakanmu, lalu menyempurnakan kejadianmu dan menjadikan (susunan tubuhmu) seimbang, dalam bentuk apa yang dikehendaki, Dia menyusun tubuhmu." (Al-Quran, (82):7-8)

Jeremy Henzel Thomas, (2002) menegaskan dalam bukunya seperti dipetik:

By limiting science to experimentation, the original balance between inward experience and external observation, which was central to Bacon's vision, was destroyed. The mind of Western man become externalized, the source of a deeper science or wisdom, was no longer to be trusted; the capacity for contemplation, the source of spiritual insight, was neglected, and the very idea of revelation, of a Book "for those who believe in the unseen" (Al-Quran, 2:3) beyond the reach of human perception, was denied.

Thomas sebagai seorang *educationist* muslim turut memetik penerangan Al-Ghazali tentang pendidikan melalui ‘rasa’ melalui perbandingan rasanya madu lebah. Hanya seseorang yang pernah merasa manisnya madu, akan benar-benar yakin dan faham bagaimana rasanya madu. Pendidikan melalui pengalaman ‘merasa’ dapat membawa manusia mencapai tahap ‘ainul yakin’ (keyakinan yang benar mantap) yang hanya mampu dirasakan oleh individu yang melalui pengalaman tadi. Pengalaman ‘rasa’ ini tidak akan mampu diterjemahkan atau digambarkan dengan kata-kata atau penulisan. ‘Rasa’ *is the conventional way of learning, which is good*. Firman Allah SWT yang bermaksud:

- “Jika kamu mengetahui dengan pengetahuan yang yakin” Al-Takathur [102]:5.
- “Dan sesungguhnya kamu benar-benar akan melihatnya dengan ainul yaqin” Al-Takathur [102]:7.
- “Sesungguhnya (yang disebutkan ini) adalah suatu keyakinan yang benar” Al-Waqi’ah [56]:95.

Hanya orang beriman yang mampu merasai ‘manisnya’ iman. Melalui pengalamannya, seseorang akan percaya sungguh-sungguh, seperti keyakinannya bahawa hari siang akan bertukar malam dan malam akan bertukar siang. Keyakinan bahawa segala pekerjaan yang baik di dunia ini akan dibalasi Allah dengan balasan yang baik, Firman Allah SWT yang bermaksud:

- Maka barang siapa mengerjakan kebaikan seberat dzarrah, niscaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barang siapa mengerjakan kejahatan seberat dzarrah, niscaya dia akan melihat (balasan)nya. Al-Zalzalah [99]:7-8

Malah kita memaklumi bahawa rezeki yang diperolehi sehari-hari datangnya dari Allah dan bukan kerana kehebatan usaha kita sendiri, merupakan teras paling asas dalam Islam melalui rukun iman. Firman Allah SWT yang bermaksud:

- *“Sesungguhnya mereka (apa yang kamu sembah) itu musuhku, lain halnya Tuhan seluruh alam. (Iaitu) Yang telah menciptakan Aku, maka Dia yang memberi petunjuk kepadaku, dan yang memberi makan dan minum kepadaku, dan apabila aku sakit, Dialah yang menyembuhkan aku, dan yang akan mematikan aku, kemudian akan menghidupkan aku (kembali), dan yang sangat kuinginkan akan mengampuni kesalahanku pada hari Kiamat.”*
Al-Syu'ara' [26]:77-82

KESAN FAHAM INSTRUMENTALISM TERHADAP AQIDAH ISLAM

Realiti yang dibina oleh manusia adalah bersifat relatif. Realiti yang mutlak adalah milik Allah SWT. Oleh itu, pengalaman dan pemikiran manusia semata-mata tidak mampu membina pengetahuan yang benar tentang kehidupan dan alam semesta. Hanya pengalaman dan pemikiran manusia yang dipandu oleh ajaran agama dapat membina pengetahuan yang benar. Ajaran agama merupakan sistem rujukan mutlak bagi manusia (Pa, 2008). Instrumentalis menolak sebarang pertembungan dan perdebatan yang melibatkan sesuatu yang bersifat *non-real* (falsafah dan *scientific realism*) dan lazimnya hanya menjawab persoalan 'bagaimana' dan bukan 'mengapa'.

Penerimaan terhadap pandangan instrumentalism, akhirnya secara sadar atau tidak sadar akan menjerumuskan umat Islam kepada penolakan terhadap perkara-perkara ghaib seperti qada' dan qadar, rezeki, wahyu, alam akhirat, syurga, neraka, malaikat, rasul, Al-Quran hinggalah kepada kewujudan Tuhan yang mengaturkan alam ini, hanya kerana ia tidak dapat dilihat oleh mata kasar (panca indera) serta tidak saintifik dan logik seperti yang difahami oleh Barat.

Melalui keupayaan manusia yang terbatas dalam memahami, mengenal, mentafsir, mena'akul menggunakan akal kurniaan Allah, sikap instrumentalis dan faham instrumentalism dianggap sebagai wabak yang merebak umpama anai-anai yang meruntuhkan benteng aqidah umat Islam dari dalam secara perlahan-lahan.

BARAH INSTRUMENTALISM DALAM INSTITUSI PENDIDIKAN

Pandangan alam yang berasas kepada instrumentalism ini telah lama menular dalam kalangan ahli akademik dan pentadbir di institusi pendidikan, khususnya institusi pengajian tinggi Islam apabila halatuju pendidikan tinggi mula beralih dari membangunkan insan kepada pendidikan bersifat kebendaan dengan orientasi keuntungan. Terdapat ramai tokoh dalam bidang pendidikan yang berkongsi pandangan tentang kegagalan sistem pendidikan pasca-modern pada masa kini dalam melaksanakan misi sebenar hakikat pendidikan hingga mewujudkan fenomena *dehumanisasi*, iaitu krisis penghakisan nilai-nilai keinsanan apabila universiti mula beralih peranan dari institusi pengajian tinggi menjadi organisasi

berorientasikan perniagaan (Bajunid, Lewis, & Brameld, 2011; Campbell, 2012; Kronman, 2007; Nord, 1995; Palmer et al., 2010; Sulaiman, Ahmad, Hilmi, Basah, & Ismail, 2011). Kegagalan ini antaranya berpunca dari pandangan alam instrumentalism ahli akademik dan pentadbir yang cenderung terhadap aliran yang menonjolkan pandangan alam sekular dan kebendaan.

Dualisme pendidikan membawa IPT kepada faham falsafah materialisme yang hanya menerima unsur fizikal atau empirikal (Dewey) sebagai asas realiti sebaliknya menolak unsur bukan-fizikal atau metafizik dalam pendidikan; seperti ketuhanan, keagamaan dan kesucian (Kadir, 2012; Rayan, 2011), seterusnya membentuk tamadun kebendaan yang hedonistik, permisif, rakus, boros dan mengubah manusia menjadi haiwan atau robot (Hawwa, 2010). Sedangkan ‘wahyu’ yang diturunkan Allah SWT dalam Al-Quran melalui Nabi Muhammad SAW, adalah bersifat metafizik bagi mengupas permasalahan umat sehingga realiti dapat dimaknai sebagai sesuatu yang mencakupi alam fizik dan non-fizik (Primarni & Khairunnas, 2013). Kertas ini menyenaraikan pengaruh instrumentalism yang lazim dihadapi di institusi pengajian tinggi Islam.

1. **Kekeliruan terhadap ilmu yang benar.** Pendidikan yang ditawarkan oleh universiti kini adalah apa yang disifatkan oleh Profesor Ward Churchill sebagai "*White studies*" - iaitu satu konstruk 'penjajahan pemikiran dan tindakan' oleh masyarakat Barat yang telah menular menjadi satu fenomena global. Kebiasaan yang salah lebih mudah diterima berbanding kebenaran yang menuntut pengorbanan dan anjakan cara fikir.
2. **Hilang yakin bahawa rezeki datang dari Allah semata-mata serta usaha yang baik akan diganjar dengan balasan yang baik serta sebaliknya.** Pengantungan harap diletakkan kepada manusia atau institusi apabila merasa rezeki yang diterima datang dari usaha diri sendiri, menyebabkan sukar untuk menegakkan kebenaran kerana bimbang akan kehilangan pangkat, nama baik atau pendapatan.
"Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya; dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan), dan ia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak." As-Shuura [42:20]
3. **Kecenderungan untuk melihat 'hasil' terlebih dahulu sebelum yakin sesuatu perubahan baik yang cuba dibawa itu adalah benar.** Membuat perubahan dalam institusi pendidikan atau hasrat mengembalikan pendidikan kepada tujuan sebenar merupakan usaha yang amat sukar, menjemput pelbagai cabaran, menimbulkan konflik dan mewujudkan ketidak selesaian dalam institusi (Halpern & Hakel, 2003; Ibrahim & Wahab, 2012). Tidak kurang pula yang mempersoalkan kualiti serta melihat hasil dari perubahan yang ingin dilaksanakan terlebih dahulu (Buller, 2015; Muscatine, 2009). Sikap ini menyebabkan usaha membawa perubahan kearah kebaikan sukar dilaksanakan dalam institusi pendidikan.
4. **Kegagalan mengenal peranan sebagai insan menyebabkan diri merasa ber'hak' ke atas sesuatu yang sebenarnya bukan milik kita.** Merasa berhak terhadap anugerah, pangkat, jawatan, bonus, perhatian dan pengiktirafan merupakan satu penyakit yang menular dalam dunia akademik. Apabila merasa ber'hak', maka ini menimbulkan kekecewaan apabila sesuatu itu tidak diperolehi hingga kemudiannya membawa kepada perasaan iri hati dan budaya 'tikam belakang' dalam persekitaran akademik yang korup. Timbul pula

kumpulan atau sikap berpuak-puak yang saling jatuh menjatuhkan dalam institusi. Sebagai contoh, Pensyarah A merasa dia lebih ber'hak' mendapat status pensyarah kanan kerana jangka masa berkhidmat yang lama, manakala Pensyarah B pula merasa ber'hak' menuntut 'hak' mendapat status pensyarah kanan apabila berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam waktu yang ditentukan institusi. Kesibukan masing-masing menuntut 'hak', akhirnya menyebabkan ahli akademik dan pentadbir gagal melaksanakan peranan sebenar dalam institusi.

- 5. Hilangnya sifat amanah dan ihsan yang mengawal dalaman kakitangan sehingga perlu kepada pemantauan ketat bagi mengelak berlakunya penyelewengan.** Ahli akademik dan pentadbir yang tidak berpegang pada sifat amanah dan ihsan memerlukan imbuhan sebagai ganjaran atau tindakan tatatertib sebagai hukuman. Institusi pendidikan bukan lagi berusaha kepada 'melaksanakan misi apa yang BENAR', sebaliknya selesa asalkan 'tidak melakukan sesuatu yang salah' pada pandangan manusia. Ini jauh tersasar daripada matlamat dan tujuan universiti menurut Islam yang bukan lagi untuk 'melakukan apa yang terbaik' sebaliknya sekadar 'menyekat dari melakukan apa yang buruk'.
- 6. Pemikiran yang menganggap penggunaan istilah Barat di bolehkan untuk sementara dan di kaitkan dengan Islam merupakan hasil dari pemikiran instrumentalis.** Pemikiran sebegini telah menular di kalangan pendidik-pendidik Islam tanpa mereka sedari. Menganggap peminjaman dan penggunaan istilah-istilah dari Barat dibolehkan buat sementara asalkan objektif yang diharapkan menurut Islam tercapai. Sayugiai di ingatkan, objektif yang dikehendaki oleh Islam tidak akan tercapai sekiranya istilah-istilah dari Barat masih di guna pakai. Ini adalah kerana istilah-istilah tersebut, yang lahir dari pemikiran Barat yang jelas menolak konsep ketuhanan, sudah pasti tidak akan merealisasikan apa yang di inginkan oleh Islam. Instrumentalis menganggap istilah, kaedah atau pendekatan tidak memberi kesan apa-apa, yang penting objektif tercapai. Sebagai contoh penggunaan istilah integrasi dalam pendidikan umumnya diterima pakai oleh pendidik-pendidik Islam dan mengharapakan pendekatan ini dapat mencapai objektif pendidikan Islam.

PENUTUP

Instrumentalisme yang merupakan teori saintifik diperkenalkan Barat adalah alat yang penting dan berguna dalam memahami dunia. Walaubagaimanapun, konsep dan teori yang dikemukakan perlu dinilai melalui keberkesannya dalam menjelaskan dan meramal sesuatu fenomena, dan seharusnya mampu diterjemahkan dengan objektif realiti. Oleh kerana itu, perlulah ada 'penilai-penilai' yang menentukan mana mana sifat yang baik atau buruk, agar akal mampu bekerja 'benar'. Penilai-penilai ini harus mampu berfikir dan menganalisis dari segenap sudut yang dijuruskan oleh pegangan dan ketauhidan ilmu yang asal. Pengalaman menurut barat hanya boleh dicapai melalui eksperimen (ujikaji), perasaan, wahyu, (basirah, gharizah, fahm, wahi, 'ilm) yang tidak bersifat objektif, dan oleh kerana ini, maka menurut barat ia tidak saintifik, tidak boleh dibuktikan dan tidak diterima sebagai ilmu. Instrumentalisme adalah bertepatan dengan pandangan alam Barat yang bersifat empirikal.

Begitu juga dengan epistemologi Barat yang menolak ilmu wahyu yang bersifat ghaib. Dalam hal ini, Islam amat menitikberatkan penggunaan qalbu sebagai 'fakulti' tertinggi dalam pena'akulan, inkuiri dan membuat keputusan. Ia bersifat intuitif serta subjektif bergantung kepada 'kejernihan' qalbu insan untuk menerima anugerah Allah swt berupa ilmu, taufiq dan

hidayah, ilham dan gerak hati. Penilai-penilai di alam maya seharusnya mampu memainkan peranannya dalam pena'akulan, inkuiri dan membuat keputusan menerusi penghayatan fakulti tertinggi yang dianugerahkan Allah swt iaitu 'qalbu', agar barah 'instrumentalis' berupaya disekat dan tidak berakar umbi. Sepertimana firman Allah swt di dalam (Al-Quran) [2]:269 yang bermaksud:

“Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.”

RUJUKAN

- Ahmad, I. F., Hamzah, M. I. M., & Ismail, W. (2014). Komunikasi Pentadbir Tentang Halatuju Pendidikan Di Institusi Pengajian Tinggi: Antara Bahasa Mesin Dan Bahasa Insan. In *International Conference on Human Sustainability*. Batu Pahat, Johor: UTHM.
- Al-Attas, S.M.N (2007) Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam. Penerbit Universiti Sains Malaysia. M/s 15-16
- Al Zeera, Z. (2001). *Wholeness and Holiness in Education: An Islamic Perspective*. Virginia, US: The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Quran*. (n.d.).
- Anderson, E. (2014). *Dewey's Moral Philosophy*. *Stanford Encyclopedia of Philosophy*. Retrieved November 15, 2015, from <http://plato.stanford.edu/entries/dewey-moral/>
- Bajunid, I. A., Lewis, C. I., & Brameld, T. (2011). THE CHANGING ROLES OF UNIVERSITIES: INTIMATE EXPLORATIONS OF ISOLATED (MANAGERIALISM AND ACADEMIC PASSION FOR AUTHENTIC MEANING AND PURPOSE IN TEACHING AND LEARNING), (Ict1), 1–29.
- Barret, R. (2011). On students as customers: contesting the analogy. *Higher Education Review*, 43(Note), 65–76.
- Berghout, A. (2009), Introduction to the Islamic World View, *IIUM Press*
- Bragg, M. (2012). *Saving Britain's universities: The brains go into battle*. *Telegraph*.
- Brown, Y. A. (2013). When did university become a factory? *The Independent*, 1–9.
- Buller, J. L. (2015). *Change Leadership in Higher Education: A Practical Guide to Academic Transformation* (1st ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Cambell, J., Elgin, D., Harman, W., Hastings, A., Markley, W., Matson, F., ... Harman, W. W. (1982). *Changing Images of Man*.
- Campbell, G. (2012). *Our universities have become factories*. *Telegraph*. Retrieved from <http://www.telegraph.co.uk/education/universityeducation/9675360/Our-universities-have-become-factories.html>
- Choudhury, M.A. (2000) The Islamic Worldview: Socio Scientific Perspective
- Christensen, C. M. (2012). *How Will You Measure Your Life?* (1st ed.). London, UK: Harper

Collins Publishes.

- Eaton, G. (1994). *Islam And The Destiny of Man*. Petaling Jaya, Selangor: The Islamic Book Trust.
- Eaton, G. (2012). *Reflections*. Cambridge, UK: The Islamic Texts Society.
- Giroux, H. A. (2006). Higher Education Under Siege: Implications for Public Intellectuals. *Thought & Action*, (Fall), 63–78.
- Gousmett, C. (2015). What Is A Worldview and Why Would I Want One?
<http://crash.ihug.co.nz/~faithact/WORLDDV.HTM>
- Halpern, D., & Hakel, M. (2003). Applying the science of learning to the university and beyond: Teaching for long-term retention and transfer. *The Magazine of Higher Learning*, 35(4), 36–41. Retrieved from https://scholar.google.com.my/citations?view_op=view_citation&hl=en&user=VBDCDAwAAAAAJ&citation_for_view=VBDCDAwAAAAAJ:zYLM7Y9cAGgC
- Hawwa, S. (2010). *Pendidikan Spiritual: Rujukan Lengkap Tarbiyah Ruhiah Menggapai Cinta Ilahi* (Terjemahan.). Kuala Lumpur: Mutiara Ilmu Selektia Sdn Bhd.
- Ibrahim, M. S., & Wahab, J. L. A. (2012). *Kepimpinan Pendidikan* (1st ed.). Bangi: Penerbit UKM.
- Kadir, M. A. (2012). Integrating the Sacred into University Education. In C. Alvares & S. S. Faruqi (Eds.), *Decolonising The University: The Emerging Quest for Non-Eurocentric Paradigms* (pp. 62–75). Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka atas talian (2015)
<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=worldview>
- Kamus Inggeris Oxford (1989) Oxford University
- Kornhauser, L. (2011). *The Economic Analysis of Law*. *Stanford Encyclopedia of Philosophy*. Retrieved November 15, 2015, from <http://plato.stanford.edu/entries/legal-econanalysis/>
- Kronman, A. T. (2007). *Education's End: Why Our Colleges and Universities Have Given Up on the Meaning of Life*. New York: Yale University Press.
- Lagemenn, E. C., & Lewis, H. (2012). Renewing Civic Education: Time to restore American higher education's lost mission. *Harvard Magazine*, 42–45.
- Lewis, H. R. (2006). *Excellence Without a Soul: How a Great University Forgot Education* (1st ed.). New York: Public Affairs, The Perseus Books Group.
- Molesworth, M., Nixon, E., & Scullion, R. (2009). Having, being and higher education: the marketisation of the university and the transformation of the student into consumer. *Teaching in Higher Education*, 14(3), 277–287.
- Murata, S., & Chittic, W. C. (1994). *The Vision of Islam*. New York, USA: Paragon House.
- Muscatine, C. (2009). *Fixing College Education: A New Curriculum for the Twenty-first Century*. Charlottesville, VA: University of Virginia Press.
- Noor, R. M., Rahim, R. A. A., Majid, M. K. A., Ali, A. K., Kadir, N. A., & Jaafar, S. M. J. S. (2014). Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam Dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Kemanusiaan*, 22(3).

- Nord, W. A. (1995). *Religion & American Education*. North Carolina, USA: The University of North Carolina Press.
- Pa, N. A. N. (2008). Pembangunan Pendidikan di Malaysia: Cabaran dan Harapan. In *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka* (1st ed., pp. 3–32). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Palmer, P. J., Zajonc, A., & Scribner, M. (2010). *The Heart of Higher Education: A Call to Renewal* (1st ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Paton, G. (2012). *Universities “grossly distorted” by Government reforms*. *Telegraph*.
- Primarni, A., & Khairunnas, S. H. (2013). *Pendidikan Holistik: Format Baru Pendidikan Islam Membentuk Karakter Paripurna* (Pertama.). Jakarta, Indonesia: Al-Mawardi Prima.
- Rayan, S. (2011). Education Toward Values. *Islam and Civilisational Renewal*, 2(3), 468481.
- Razak, D. A. (2012). Apabila pendidikan jadi komoditi perdagangan: Urus Universiti bukan sekadar cari untung. *Berita Harian*. Kuala Lumpur.
- Salleh, A. (2013). Listening with the right faculties. *News Strait Time*, p. 004.
- Salleh, A., & Ahmad, A. (2008). *Human Governance: A Paradigm Shift in Governing Corporation* (1st ed.). Petaling Jaya, Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Sulaiman, S. H., Ahmad, I. F., Hilmi, A. M. M., Basah, I. K., & Ismail, K. (2011). Mengembalikan “Ruh” Dalam Pendidikan: Nilai Yang Hilang Dalam Pendidikan Masa Kini. In *2nd International Conference on Islamic Education 2011* (pp. 731–745). PIMM.
- Tarnas, R. (1991). *The Passion of the Western Mind: Understanding the Ideas That Have Shaped Our World View*. New York, USA: The Random House Publishing Group.
- Thomas, J. H. (2002). *The Challenge of Pluralism and the Middle Way of Islam*. Surrey, UK: The Association of Muslim Social Scientist (UK).
- Washburn, J. (2006). *University Inc: The Corporate Corruption of Higher Education*. New York: Basic Book.
- William, J. (2013). *Consuming Higher Education: Why Learning Can't Be Bought* (1st ed.). Norfolk, UK: Bloomsbury Publishing.